

## **KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN GURU TERHADAP PRESTASI KERJA MELALUI TINGKAHLAKU PENGAJARAN BERASASKAN IHES**

Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip, Shazarina Zdainal Abidin &  
Haslina Hamzah

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Fakulti Pendidikan,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[p90358@siswa.ukm.edu.my](mailto:p90358@siswa.ukm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan menganalisis tingkah laku guru-guru Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam melakukan pengajaran dan pembelajaran (PdP) setelah melalui program latihan guru yang diikutinya berdasarkan Integrated Holistic Education System (IHES). Kajian ini juga turut menganalisis sumbangan yang wujud berkaitan tingkahlaku guru dalam pengajaran yang mempengaruhi tahap prestasi guru-guru SRA JAIS dalam melaksanakan tugas. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian berdasarkan Model Penilaian Kirkpatrick bagi menghuraikan aspek tingkah laku guru-guru SRA JAIS dalam melaksanakan PdP. Sampel kajian adalah terdiri daripada 535 orang guru SRA JAIS daripada jumlah populasi seramai 5,489 orang guru yang meliputi sembilan daerah di Selangor. Analisis kajian dilakukan dengan menggunakan perisian program SPSS versi 22.0 bagi data kuantitatif yang telah diperolehi secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian secara deskriptif menunjukkan nilai min adalah tinggi bagi keseluruhan aspek tingkah laku guru dalam PdP. Namun terdapat item yang sederhana tinggi berkaitan tingkahlaku guru tersebut yang melibatkan ketiga-tiga item tersebut. Melalui analisis regresi berganda (stepwise) menunjukkan terdapat korelasi dan sumbangan yang signifikan terhadap prestasi dalam kalangan guru-guru di sekolah. Implikasi kajian ini mencadangkan supaya pihak JAIS memberikan latihan yang khusus berkaitan pendekatan pengajaran secara integrasi untuk menambahbaik kualiti pengajaran guru. Kesimpulannya, perubahan tingkahlaku guru dari aspek PdP telah menyumbang kepada tahap prestasi guru secara keseluruhannya dan perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa sesuai dengan keperluan dan perkembangan semasa pendidikan masa kini.

Kata kunci: Tingkah laku, prestasi, latihan guru, IHES

## **1.0 PENDAHULUAN**

Bidang perguruan merupakan suatu bidang profesional yang diwujudkan untuk membangunkan elemen bangsa dan negara ke arah masyarakat yang bersatu padu yang merangkumi aspek sosial, kebudayaan, politik dan ekonomi. Pencapaian tahap kemajuan ini mempunyai tujuan akhir iaitu melahirkan komuniti masyarakat yang harmoni, berdisiplin, bertanggungjawab dan terlatih (Abdul Ghafar Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Husin, & Mohd Aderi Che Noh, 2015; Karwadi, 2009). Penglibatan guru dalam sistem pendidikan adalah sebagai asas dan pelaksana dasar-dasar kerajaan berpandukan kurikulum dan pekeliling-pekeliling yang telah dikeluarkan. Seorang guru yang profesional hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif tentang sesuatu bahan yang digunakan, mewujudkan persekitaran bilik darjah yang kondusif, membina hubungan yang akrab dalam kalangan warga, merancang masa hadapan dengan mengemukakan idea-idea baharu dan sentiasa mengambil peluang dengan penuh tanggungjawab dan amanah (Saedah Siraj & Mohammed Sani Ibrahim, 2012). Guru yang baik sentiasa memupuk pengetahuan dan kemahiran murid melalui usaha yang berterusan (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017). Salah satu usaha yang boleh diusahakan ialah guru hendaklah memahami proses dan pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dengan lebih mendalam lagi. Usaha ini memberi harapan yang lebih baik kepada profesion perguruan melalui pendidikan yang terancang.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Program latihan guru kepada guru-guru SRA JAIS telah lama dilaksanakan iaitu secara berterusan dan berkala mengikut kepada keperluan dan peningkatan tahap profesionalisme guru seseorang. Pelaksanaan dasar baharu dalam sistem pendidikan JAIS yang mengguna pakai Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) bermula tahun 2015 di semua sekolah tadbiran JAIS menuntut guru-guru supaya melaksanakannya dalam sesi PdPc di sekolah. Melalui sistem tersebut, semua konsep pengajaran mestilah dilaksanakan secara integrasi antara ilmu naqli dan aqli serta pembangunan yang menyeluruh dari aspek JERI murid-murid. Pendekatan sistem ini cuba mengubah konsep pembelajaran yang berasaskan teori kepada pembelajaran yang mementingkan aspek amali supaya selaras dengan FPK dan FPI JAIS (Mohammad Amir Danuri, 2017; Muhamad Asmadi bin Mustakim, 2017). Walaupun demikian, kemahiran guru-guru SRA JAIS dalam pengajaran mempunyai pelbagai tahap kerana latar belakang pendidikan yang berbeza dan pengalaman dalam pengajaran. Situasi ini pernah diutarakan sebelum ini yang menjelaskan supaya meningkatkan penguasaan dalam penulisan rancangan pengajaran harian (RPH) berasaskan IHES dan pemilihan pendekatan pengajaran yang berpusatkan kepada murid (Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah Haji Nor, 2015; Kamarulnizam Sani & Zetty Nurzuliana Rashed, 2018). Sehubungan dengan itu juga, kajian yang menyentuh keberkesanan program latihan guru berasaskan IHES terhadap prestasi kerja guru melalui tingkahlaku pengajaran guru adalah sangat kurang dibincangkan. Oleh itu, satu kajian khusus berkaitan isu-isu tersebut akan dibahaskan dalam kajian ini.

## **3.0 TUJUAN, OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap perubahan tingkahlaku guru dari aspek PdP setelah mengikuti program latihan guru berdasarkan IHES dan mengenalpasti sumbangan

perubahan tingkahlaku guru dari aspek PdP terhadap prestasi guru-guru setelah mengikuti program latihan guru berasaskan IHES. Objektif dan persoalan kajian adalah seperti berikut;

#### **Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti tahap perubahan tingkahlaku guru dari aspek PdP setelah mengikuti program latihan guru berdasarkan IHES.
2. Mengenalpasti sumbangan perubahan tingkahlaku guru terhadap prestasi guru setelah mengikuti program latihan guru berdasarkan IHES.

#### **Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap perubahan tingkahlaku guru dari aspek PdP setelah mengikuti program latihan guru berdasarkan IHES?
2. Adakah terdapat sumbangan yang signifikan tingkah laku guru terhadap prestasi guru setelah mengikuti program latihan guru berdasarkan IHES?
3. Ho1: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan tingkah laku guru terhadap prestasi guru setelah mengikuti program latihan guru berdasarkan IHES.

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan berpandukan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data. Kajian tinjauan adalah kaedah pengkajian secara deskriptif yang dapat mengumpul data berhubung fenomena yang tidak dapat dilihat secara langsung. Kaedah tinjauan adalah suatu cara untuk memungut data daripada sesuatu populasi yang besar melalui teknik persampelan secara rawak berstrata. Cara yang digunakan dalam memungut data melalui kaedah ini dengan menggunakan soal selidik adalah termudah dan berkesan untuk saiz sampel kajian keseluruhannya (Loeb et al., 2017). Kaedah ini juga mampu memperoleh banyak maklumat dalam satu-satu masa dan mudah dikendalikan serta dapat membekalkan maklumat deskriptif yang kukuh dan tepat daripada sampel kajian (Mohd Hamzah, Sirat, Mohd Izham Mohd Hamzah, & Mazlan Sirat, 2018). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan perisian program SPSS versi 22.0 untuk menganalisis data kuantitatif yang telah diperolehi secara deskriptif dan inferensi.

#### **Sampel Kajian**

Populasi kajian ini adalah seramai 5,489 orang dan sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru SRA JAIS yang terdiri daripada guru tetap, kontrak, Kafa dan sambilan yang mengajar di sembilan daerah di Selangor iaitu daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Gombak, Hulu Selangor dan Petaling. Guru-guru yang terlibat sebagai sampel kajian adalah seramai 535 orang berdasarkan penentuan saiz sampel yang dikemukakan Krejcie dan Morgan (1970).

#### **Kaedah Pengumpulan Data**

Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dalam kajian ini yang tertumpu kepada persoalan kajian iaitu mengenal pasti tahap tingkahlaku guru-guru SRA JAIS dari aspek perancangan pengajaran berasaskan IHES. Borang soal selidik dibina dan digunakan sebagai instrumen pengumpulan data utama bagi menjawab permasalahan kajian. Instrumen kajian ini dibahagikan kepada lapan bahagian utama antaranya bahagian A berkaitan demografi

responden dan bahagian F merujuk kepada penilaian pembelajaran yang mengandungi item pengetahuan, kemahiran dan sikap guru. Item kemahiran guru dari aspek pengajaran mengandungi 13 item keseluruhannya yang menggunakan Skala Likert lima peringkat bagi menjawab item soal selidik tersebut. Nilai skala penilaian tersebut ialah skala 1 mewakili nilai sangat tidak setuju (0 – 19%), skala 2 mewakili nilai tidak setuju (20 – 39%), skala 3 mewakili nilai sederhana setuju (40 – 59%), skala 4 mewakili nilai setuju (60 – 79%) dan skala 5 mewakili nilai sangat setuju (80 – 100%) (Mohd Azmi Mat Yusoff, 2016). Instrumen kajian ini telah dibina sendiri oleh pengkaji melalui kajian literatur yang telah dibuat dengan mendapat kesahan dan kebolehpercayaan melalui ujian Cronbach Alpha, kesahan muka dan kandungan melalui Indeks Kesahan Kandungan Setiap Item (I-CVI) dan kesahan konstruk melalui Exploratory Factor Analysis (EFA) (Gay, Mills, & Airasian, 2012; Ramlan Mustapha, 2017).

### **Kaedah Penganalisan Data**

Analisis data yang digunakan ialah statistik deskriptif dan inferensi. Bagi menjawab persoalan kajian pertama, pengkaji menggunakan interpretasi min yang dicadangkan oleh Azhar Ahmad (2006) daripada Nunnally dan Bernstein (1994). Bagi setiap konstruk dalam penilaian latihan guru dikategorikan tentang tahap penilaian mengikut persepsi responden tinggi (min 4.01 hingga 5.00), sederhana tinggi (min 3.01 hingga 4.00), sederhana rendah (min 2.01 hingga 3.00) dan rendah (min 1.00 hingga 2.00) (Ahmad Munawwar Ismail, 2009; Azhar Ahmad, 2006). Analisis inferensi digunakan untuk menjawab persoalan kedua dengan menggunakan ujian regresi berganda (stepwise). Secara amnya statistik inferensi digunakan untuk melihat perkaitan-perkaitannya yang wujud antara dua pemboleh ubah (Pallant, 2010). Ujian regresi berganda (stepwise) digunakan untuk memperoleh nilai sumbangan R (peratus) bagi setiap pemboleh ubah peramal (Muhammad Nordin, 2017). Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah prestasi guru dengan kumpulan pemboleh ubah bebas tingkah laku guru yang mengandungi komponen perancangan, strategi dan pelaksanaan pengajaran.

## **5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian dalam bahagian ini akan memaparkan data yang berkaitan tahap perubahan tingkahlaku guru-guru SRA JAIS dari aspek PdP dan sumbangan tingkah laku guru terhadap prestasi guru setelah mengikuti program latihan guru berdasarkan IHES.

### **Tahap Perubahan Tingkahlaku Guru-Guru SRA JAIS**

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan tahap perubahan tingkah laku guru dari aspek pengajaran berasaskan IHES melalui elemen perancangan, strategi dan pelaksanaan pengajaran setelah mengikuti program latihan guru berada pada tahap skor min yang tinggi iaitu di antara 4.06 hingga 4.21. Elemen yang mendapat skor min tertinggi adalah pelaksanaan pengajaran (min = 4.21 ; SP = 0.827) dan terendah adalah strategi pengajaran (min = 4.06 ; SP = 0.831). Berdasarkan data tersebut, dapatlah difahami bahawa guru-guru SRA JAIS telah menunjukkan tahap perubahan yang positif dari aspek tingkah lakunya dalam pengajaran. Perubahan tingkah laku guru tersebut menjadi indikator bahawa program latihan guru yang dianjurkan JAIS telah berjaya meningkatkan kualiti pengajaran guru-guru dari aspek perancangan, strategi dan pelaksanaan pengajaran.

Jadual 1: Tahap perubahan tingkahlaku guru-guru SRA JAIS setelah mengikuti program latihan guru

| Bil | Elemen                 | Min  | Sp.   | Interpretasi |
|-----|------------------------|------|-------|--------------|
| 1.  | Perancangan pengajaran | 4.14 | 0.784 | Tinggi       |
| 2.  | Strategi pengajaran    | 4.06 | 0.831 | Tinggi       |
| 3.  | Pelaksanaan pengajaran | 4.21 | 0.827 | Tinggi       |

Sumbangan Perubahan Tingkahlaku Guru Terhadap Prestasi Guru Setelah Mengikuti Program Latihan Guru Berdasarkan IHES

Melalui Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan keputusan analisis regresi berganda langkah demi langkah (stepwise) yang melibatkan tiga pemboleh ubah bebas ke atas pemboleh ubah bersandar iaitu prestasi guru. Terdapat tiga pemboleh ubah bebas yang telah menunjukkan korelasi dan sumbangan yang signifikan ( $p < 0.05$ ) terhadap jumlah varians prestasi guru. Analisis regresi berganda (stepwise) pada Jadual 1 dan 2 menunjukkan bahawa pemboleh ubah bebas iaitu perancangan, strategi dan pelaksanaan pengajaran adalah peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan (39.8%) yang signifikan ( $p < 0.05$ ) terhadap prestasi dalam kalangan guru di sekolah.

Jadual 2: Analisis regresi berganda (stepwise) bagi pemboleh ubah bebas tingkah laku yang mempengaruhi tahap prestasi guru

| Pemboleh ubah(x)       | B     | Ralat Piawai | Beta ( $\beta$ ) | Nilai - t | Sig.  | R2    | Sumbangan (%) |
|------------------------|-------|--------------|------------------|-----------|-------|-------|---------------|
| Perancangan pengajaran | 0.260 | 0.050        | 0.304            | 5.219     | 0.000 | 0.355 | 35.50         |
| Strategi pengajaran    | 0.197 | 0.057        | 0.218            | 3.468     | 0.001 | 0.389 | 3.40          |
| Pelaksanaan pengajaran | 0.141 | 0.050        | 0.160            | 2.797     | 0.005 | 0.398 | 0.90          |
| Konstant               | 1.730 | 0.135        |                  | 12.853    | 0.000 |       |               |
| R berganda             | 0.631 |              |                  |           |       |       |               |
| R kuasa dua            | 0.398 |              |                  |           |       |       |               |
| R kuasa dua diubahsuai | 0.395 |              |                  |           |       |       |               |
| Ralat piawai           | 0.382 |              |                  |           |       |       |               |

Jadual **Error! No text of specified style in document.3:** Analisis varians

| Sumber  | Jumlah Kuasa Dua | Darjah Kebebasan | Min Kuasa Dua | Nilai-F | Tahap Signifikan (p) |
|---------|------------------|------------------|---------------|---------|----------------------|
| Regresi | 51.356           | 3                | 17.119        | 117.136 | 0.000                |
| Residul | 77.603           | 531              | 0.146         |         |                      |
| Jumlah  | 128.959          | 534              |               |         |                      |

Peramal utama dan tertinggi bagi prestasi dalam kalangan guru setelah mengikuti program latihan guru melalui IHES ialah aspek perancangan pengajaran guru ( $\beta=0.304$ ,  $t=5.219$  dan  $p=0.000$ ). Ini bermakna apabila skor perancangan pengajaran guru bertambah sebanyak satu unit, maka prestasi guru dalam aspek pengajaran bertambah sebanyak 0.304 unit. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa perancangan pengajaran yang dilaksanakan oleh seseorang guru berasaskan IHES merupakan faktor penting yang menyumbang 35.50 peratus kepada tahap prestasi guru. Manakala peramal kedua iaitu strategi pengajaran guru telah menyumbang

sebanyak 3.40 peratus terhadap prestasi guru di sekolah ( $\beta=0.218$ ,  $t=3.468$  dan  $p=0.001$ ). Ini bermakna apabila skor strategi pengajaran guru bertambah sebanyak satu unit, maka prestasi guru juga akan bertambah sebanyak 0.218 unit. Dapatan ini menunjukkan bahawa strategi pengajaran yang dipilih oleh guru adalah faktor penyumbang kepada meningkatnya tahap prestasi guru berkaitan pelaksanaan IHES di sekolah. Peramal ketiga turut memberi kesan dan menyumbang sebanyak 0.90 peratus terhadap prestasi guru iaitu pelaksanaan pengajaran ( $\beta=0.160$ ,  $t=2.797$  dan  $p=0.005$ ). Ini bermakna apabila skor pelaksanaan pengajaran guru bertambah sebanyak satu unit, maka tahap prestasi guru akan bertambah sebanyak 0.160 unit. Data ini menunjukkan pelaksanaan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru telah memberi impak 0.90 peratus kepada pencapaian prestasi guru keseluruhannya.

Analisis varians mendapati nilai  $F = 117.136$  (DK 3, 531) dan tahap signifikan  $p=0.000$  ( $p<0.05$ ). Nilai R Kuasa Dua ( $R^2=0.398$ ) menunjukkan sumbangan keseluruhan tiga pembolehubah bebas adalah sebanyak 39.8 peratus terhadap prestasi guru iaitu perancangan guru sebanyak 35.50 peratus, strategi pengajaran sebanyak 3.40 peratus dan pelaksanaan pengajaran guru sebanyak 0.90 peratus. Secara amnya sumbangan keseluruhan tiga pembolehubah bebas yang signifikan terhadap prestasi dalam kalangan guru dapat dibentuk melalui persamaan regresi seperti berikut;

$$Y = 1.730 + 0.260 X_1 + 0.197 X_2 + 0.141 X_3$$

Dimana;

Y = Prestasi dalam kalangan guru

$X_1$  = Perancangan pengajaran

$X_2$  = Strategi pengajaran

$X_3$  = Pelaksanaan pengajaran

Konstant = 1.730

Ralat = 0.135

Merujuk kepada persamaan regresi di atas bermakna hipotesis nol ( $H_0$ ) berjaya ditolak. Analisis regresi menggunakan kaedah 'stepwise' mendapati tiga pembolehubah bebas mempunyai korelasi dan memberi kesan serta menyumbang kepada tahap prestasi dalam kalangan guru yang telah menghadiri program latihan guru anjuran JAIS melalui IHES iaitu aspek perancangan, strategi dan pelaksanaan pengajaran guru. Rumusan analisis regresi berganda (stepwise) yang dilakukan mendapati terdapat korelasi dan sumbangan yang signifikan antara tingkah laku guru ke atas prestasi guru dalam kalangan guru yang telah menghadiri program latihan guru berdasarkan IHES JAIS. Jumlah sumbangan keseluruhannya adalah sebanyak 39.80 peratus daripada tiga pembolehubah bebas iaitu dari aspek perancangan, strategi dan pelaksanaan pengajaran terhadap prestasi dalam kalangan guru-guru SRA JAIS di sekolah.

#### **Perbincangan Tahap Perubahan Tingkahlaku Guru-Guru SRA JAIS Dari Aspek Pengajaran dan Sumbangannya Terhadap Prestasi Kerja**

Tahap perubahan tingkahlaku guru-guru SRA JAIS dari aspek melakukan pengajaran di sembilan daerah dalam negeri Selangor secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tingkahlaku guru-guru SRA JAIS dari aspek pengajaran melalui elemen perancangan, memilih strategi dan melaksanakan pengajaran adalah baik. Elemen perancangan, strategi dan pelaksanaan pengajaran merupakan elemen utama yang mesti dikuasai oleh guru untuk melakukan sesuatu pengajaran (Ab. Halim Tamuri et al., 2013; Sitti Hasnah Bandu, Zalizan Mohd Jelas, Mohd Hanafi Mohd Yasin, & Mohd

Mokhtar Tahar, 2012). Dalam aspek perancangan pengajaran berasaskan IHES, antara perkara utama adalah mengutamakan kualiti pengajaran secara integrasi, Guru-guru SRA JAIS kelihatan sangat komited dan bersungguh-sungguh dengan dasar-dasar dan sistem pendidikan yang diperkenalkan. Berdasarkan IHES, kualiti pengajaran mestilah mencakupi domain kognitif, afektif dan psikomotor yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menjadi tunjang kepada sistem pendidikan di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Dalam Falsafah Pendidikan Islam JAIS juga telah menjelaskan bahawa sistem pendidikan Islam JAIS adalah berbentuk integrasi yang menyepadukan antara ilmu naqli dan aqli untuk membangunkan elemen jasmani, emosi, rohani dan intelak (JERI) murid-murid. Suatu pendidikan tidak akan berjaya sekiranya penilaian di dalam aspek kognitif semata-mata. Ianya perlu digabungkan dengan penilaian amalan dari aspek afektif dan psikomotor (Mohammad Amir Danuri, 2017; Zetty Nurzuliana & Abdul Halim, 2014).

Melalui perancangan pengajaran juga, aktiviti pemantauan pembelajaran murid perlu dilakukan secara berterusan dalam kalangan guru-guru SRA JAIS. Senario yang berlaku lewat kebelakangan ini, kadang kala ibu bapa atau penjaga mengharapkan usaha para guru dalam memantau pembelajaran anak-anak mereka di sekolah. Jika dilihat dari aspek tanggungjawab membimbing dan mendidik anak-anak adalah tanggungjawab bersama antara ibubapa dan guru (Hannah Aqilah Amran, Rosadah Abd Majid, & Manisah Mohd Ali, 2019). Tambahan pula sekarang ini, dunia sedang dilanda wabak Covid-19 yang sebahagian besar sistem pendidikan dan pendekatan PdPc berada dalam mode pembelajaran dari rumah dan secara dalam talian (Nor Fatinah Jaafar, Azizah Zain, & Zarina Eshak, 2020). Selain itu, usaha yang boleh dizahirkan melalui perancangan pengajaran adalah melaksanakan aktiviti penilaian pembelajaran setelah selesai PdPc secara formatif dan sumatif. Penilaian pembelajaran perlu dilakukan kerana tahap penguasaan murid adalah berbeza-beza atas pelbagai faktor antaranya motivasi, pengetahuan, kemahiran, persekitaran dan lain-lain. Menurut Ravikumar K. Varatharaj (2015), pentaksiran dan penilaian perlu berfokus kepada pembelajaran murid dan bukannya kepada pengajaran guru. Dalam konteks penilaian IHES JAIS bukanlah semata-mata berfokus kepada peperiksaan, tetapi penilaian yang dilakukan adalah melalui penghayatan ilmu, pembentukan akhlak mulia, peningkatan kecekapan dan kemahiran, pencapaian akademik dan aplikasi dalam kehidupan (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2019; Kamarulnizam Sani & Zetty Nurzuliana Rashed, 2018).

Perubahan tingkahlaku guru turut dilihat dari aspek pemilihan strategi pengajaran dalam pelaksanaan pengajaran yang dilakukan. Guru-guru kelihatan bersetuju bahawa pengagihan masa pengajaran mengikut langkah, aktiviti pengukuhan dan penggunaan sumber-sumber terkini dalam PdPc adalah suatu keutamaan. Dalam modul latihan guru-guru JAIS amat menekankan aspek pedagogi pengajaran kerana ianya akan menentukan kejayaan suatu PdPc. Berdasarkan strategi pengajaran yang dipilih, guru-guru yang berperanan sebagai mudarris akan menterjemahkan objektif dan aktiviti-aktiviti pengajaran yang dirancangkan (Ab. Halim Tamuri & Siti Muhibah Haji Nor, 2015; Nor Aidah Mohamad Ariff, Rohana Hamzah, & Amirmudin Udin, 2010). Walaupun demikian, usaha mencari strategi pengajaran yang sesuai dengan objektif pengajaran dan penggunaan sumber pengajaran yang pelbagai perlu dilaksanakan. Pemilihan strategi pengajaran dan pemilihan bahan pengajaran yang sesuai mempunyai cabaran yang tertentu. Lebih ketara lagi adalah faktor demografi guru-guru SRA JAIS yang kebanyakannya tidak mempunyai ikhtisas perguruan. Justeru, keperluan ikhtisas pendidikan dalam kalangan guru-guru JAIS telah disuarakan suatu ketika kerana peri pentingnya pendidikan yang berkualiti (Sapie Sabilan et al., 2015). Dalam konteks kerjaya pendidikan, ikhtisas merupakan aspek utama yang menentukan kualiti guru dan kualiti

pengajaran (Mohd Faez Illias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman, 2017).

Perubahan tingkahlaku guru-guru SRA JAIS dari aspek pelaksanaan pengajaran berasaskan IHES adalah sangat ketara. Perubahan yang ketara dilihat mencakupi aspek permulaan pengajaran, pengembangan pengajaran, pengubahsuaian bahan dan penutup pengajaran. Guru-guru kelihatan berjaya melaksanakan sesi pengajaran menggunakan kaedah dan teknik pengajaran berasaskan IHES. Walaupun bagaimanapun, keperluan guru-guru merujuk BPMG yang disediakan oleh JAIS dalam melaksanakan PdP tetap ada. BPMG merupakan dokumen yang disediakan untuk memudahkan guru mengajar kerana telah dimuatkan elemen-elemen IHES untuk didalamnya (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2013b). Berpandukan BPMG, guru-guru akan melaksanakan proses PdPc melalui empat proses utama iaitu bimbingan, latihan, nasihat dan runding cara (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2013a). Oleh kerana perancangan pengajaran dalam bentuk integrasi, maka sewajarnya pelaksanaan pengajaran juga menggunakan pendekatan yang sama.

Secara asasnya, perubahan tingkahlaku guru dari aspek pelaksanaan pengajaran adalah daripada maklumat-maklumat yang diperolehi melalui kursus yang dihadiri. Pihak JAIS menyediakan program-program berbentuk latihan secara berpusat dan berkala melalui IMANS, PAID dan sekolah-sekolah terpilih. Walaupun demikian, penglibatan guru-guru dalam kursus tersebut adalah tidak menyeluruh dan tiada penetapan jumlah latihan yang perlu dihadiri dalam setahun (Mohd Faez Illias et al., 2017). Justeru itu, dengan pendekatan yang sedemikian menyebabkan maklumat yang ingin JAIS sampaikan tidak diterima secara terancang oleh guru-guru. Hal ini berbeza dengan guru-guru di peringkat KPM yang menetapkan tujuh hari latihan setahun bagi pembangunan professional melalui LDP (Noor Lela Ahmad, Hariyaty Ab Wahid, Hazianti Abdul Halim, Zuriadah Ismail, & Normala Abd Rani, 2014).

Hasil analisis regresi berganda (stepwise) menunjukkan bahawa tingkahlaku guru menerusi elemen perancangan, strategi dan pelaksanaan pengajaran telah memberikan sumbangan secara signifikan terhadap pelaksanaan pengajaran guru di sekolah. Dapatan kajian ini juga menunjukkan kesemua elemen tersebut telah menyumbang sebanyak 39.8 peratus terhadap prestasi pelaksanaan pengajaran mereka. Manakala bakinya sebanyak 60.2 peratus adalah daripada faktor-faktor lain yang memerlukan kajian lebih lanjut. Peratusan ini menggambarkan bahawa guru-guru SRA JAIS telah mendapat latihan yang sewajarnya bagi melaksanakan pengajaran berasaskan IHES menerusi tiga elemen tersebut. Sumbangan yang ditunjukkan dalam kajian ini juga secara langsung telah membuktikan bahawa pengajaran berasaskan IHES mampu dilaksanakan oleh guru-guru SRA JAIS. Konsep integrasi dalam pengajaran yang diterapkan telah berkembang dalam sistem pendidikan di Malaysia dalam bentuk dan amalan yang sedikit berbeza. Pengajaran yang berbentuk integrasi adalah untuk mencapai falsafah dan matlamat pendidikan yang menfokuskan pembangunan JERI secara seimbang dan bersepadu. Pernyataan ini pernah disuarakan sebelum ini agar tidak menilai dari aspek kognitif semata-mata tetapi perlu digabungkan dengan dengan aspek afektif dan psikomotor (Mohammad Amir Danuri, 2017; Zetty Nurzuliana & Abdul Halim, 2014).

Menerusi kajian ini, elemen perancangan pengajaran merupakan penyumbang tertinggi berbanding elemen strategi dan pelaksanaan pengajaran. Melalui data ini, menjelaskan bahawa perancangan pengajaran merupakan faktor utama yang telah mempengaruhi tahap prestasi guru-guru dalam pelaksanaan pengajaran berasaskan IHES. Perancangan pengajaran menjadi aspek utama yang ditekankan sebelum sesi PdPc dilaksanakan. Perancangan yang teliti dan komprehensif akan memberi kesan yang positif kepada pembelajaran pelajar. Melalui



perancangan pengajaran yang teliti, guru dapat menentukan jarak, urutan dan penekanan kepada isi setiap pelajaran. Topik-topik yang penting dalam peperiksaan akan diberikan keutamaan oleh guru dan diberi penerangan dengan lebih teliti. Perancangan juga akan memastikan setiap minit dalam tempoh pengajaran guru sepanjang setahun memberi kesan yang bermakna kepada guru dan pelajar. Ini dapat memberi panduan kepada guru agar dapat menggunakan masa yang diperuntukkan dengan lebih teratur. Menyusun atur masa dengan tepat juga dapat memastikan sukatan pelajaran dihabiskan pada masa yang telah ditetapkan mengikut perancangan. Guru juga dapat menyediakan bahan-bahan pengajaran yang bersesuaian dengan isi pelajaran mengikut minat dan kebolehan pelajar. Isi kandungan dan bahan yang hendak disampaikan perlu lengkap dan menepati kehendak sukatan dan huraian sukatan pelajaran yang telah ditetapkan (Ab. Halim Tamuri et al., 2013; Ahmad Yunus Kassim & Ab. Halim Tamuri, 2010; Mariam Abd. Majid et al., 2018; Norashikin Abu Bakar, Ramli Basri, & Foo Say Fooi, 2015)

Sementara itu, elemen strategi dan pelaksanaan pengajaran yang menyumbang sebanyak 4.3 peratus tahap prestasi guru dalam pelaksanaan pengajaran berasaskan IHES menggambarkan terdapat juga kesan positif yang ditunjukkan melalui latihan yang diberikan. Walaupun jumlah sumbangan kelihatan kecil, namun terdapat hubungan yang signifikan antara elemen-elemen tersebut dengan tahap prestasi guru. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa prestasi pengajaran yang dipamerkan guru-guru SRA JAIS menerusi tingkahlakunya dalam pengajaran telah berjaya menyumbang kepada peningkatan prestasi pengajaran di sekolah. Dapatan ini konsisten dengan hasil kajian sarjana terdahulu yang hampir sama yang menyatakan kepentingan strategi pengajaran. Strategi pengajaran merupakan aspek penting yang merujuk kepada kebijaksanaan guru memilih pendekatan, penilaian dan kecekapan merancang kaedah dan teknik dalam satu-satu pengajaran berdasarkan objektif pelajaran yang telah ditentukan (Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 2018; Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim, 2017; Ravikumar K. Varatharaj, 2015). Oleh itu, pemilihan strategi pengajaran yang sesuai menjamin tercapainya objektif pengajaran yang direncanakan.

Manakala pelaksanaan pengajaran merupakan terjemahan daripada perancangan pengajaran yang dilakukan. Pengajaran yang dilaksanakan secara terancang dan bersistematik akan menghasilkan kualiti pengajaran yang tinggi (Chia Lai Lai & Abdul Rahim Hamdan, 2013). Oleh itu, seorang guru yang ingin mengajar perlulah menguasai ilmu bidang, aspek pedagogi dan mempunyai sikap yang positif dalam profesion. Komponen ini selaras dengan pandangan Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi, (2012) yang mengutamakan aspek personaliti guru, ilmu pengetahuan, pengetahuan pedagogi kandungan, kepelbagaian kemahiran dan motivasi dalam sesuatu program latihan guru. Melalui sisi lain, pengkaji melihat adanya keperluan untuk meningkatkan sistem pengurusan latihan kepada guru-guru SRA JAIS memandangkan hampir majoriti guru-guru tidak mempunyai iktisas perguruan. Tambahan pula, IHES merupakan sistem baharu yang mula diperkenalkan secara rasminya pada tahun 2015. Pengaplikasian IHES di sekolah dalam konteks pengajaran dilakukan secara berperingkat-peringkat begitu juga latihan yang diberikan kepada para guru. Menurut Mohd Faez Ilias et al., (2017), kebanyakan guru-guru yang berkhidmat di seluruh sekolah agama JAIS adalah terdiri dari kalangan guru bukan siswazah dan sebilangan besar pula tidak terlatih. Di samping itu terdapat sebahagian besar guru-guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah agama JAIS dilantik ke jawatan guru secara kontrak atau sementara sahaja kerana mereka tidak memiliki Sijil Perguruan atau Diploma Pendidikan yang menjadi prasyarat utama untuk dilantik ke jawatan tetap dan berpcen dalam profesion perguruan.

## 6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perubahan tingkahlaku guru dari aspek pengajaran berasaskan IHES melalui elemen perancangan, strategi dan pelaksanaan pengajaran dalam kalangan guru-guru SRA JAIS setelah menghadiri latihan yang diberikan adalah baik. Selaras dengan itu, terdapat hubungan yang signifikan antara tingkahlaku guru dengan peningkatan tahap prestasi guru-guru dalam pengajaran. Hal ini disandarkan dengan jumlah sumbangan sebanyak 39.8 peratus melalui elemen perancangan, strategi dan pelaksanaan pengajaran terhadap prestasi pengajaran dalam kalangan guru di sekolah. Melalui kajian ini, telah memberi implikasi positif tentang tahap perubahan tingkahlaku guru-guru SRA JAIS berkaitan pengajaran berasaskan IHES. Dalam kajian ini juga, terdapat elemen-elemen lain yang boleh dikaji sebagai penyumbang kepada peningkatan tahap prestasi guru-guru SRA JAIS dalam pengajaran berasaskan IHES. Melalui dapatan kajian ini juga, mengharapkan pihak JAIS dapat merujuk dan membuat pertimbangan wajar tentang pelaksanaan program latihan guru dengan mengambil kira maklumat-maklumat yang dipaparkan dalam membuat keputusan. Usaha merujuk sistem yang telah diperkasakan dengan mengambilkira model-model Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dan modul latihan guru yang diamalkan di tempat lain akan membantu menambah nilai kualiti sesuatu program yang dilaksanakan.

## 7.0 BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani, Rosli Mokhtar, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Asmadi Mustakim, & Zetty Nurakmal Azura Rashed. (2013). Penilaian Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Pendidikan Islam Bahagian Pendidikan Islam (JAIS) di Sekolah-Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Dan Pengajian Islam*, 1(1), 1–35.
- Ab. Halim Tamuri, & Nur Hanani Hussin. (2017). Pendidikan Abad ke 21 Dalam Kepelbagaian Budaya : Cabaran dan Harapan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor ( KUIS ) Bahagian Pendidikan Islam ., Kertas Kerja Ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa Ke-8 (PEDA8), (September), 1–12.
- Ab. Halim Tamuri, & Siti Muhibah Haji Nor. (2015). Prinsip Pembelajaran Aktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan*, 2(3), 28–42. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53–63. Retrieved from [www.gjat.my](http://www.gjat.my)
- Abdul Ghafar Don, Ab. Halim Tamuri, Supyan Husin, & Mohd Aderi Che Noh. (2015). Penilaian Keberkesanan Kursus Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam Institut Latihan dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(3), 1–14.
- Ahmad Munawwar Ismail. (2009). Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ahmad Yunus Kasim, & Ab. Halim Tamuri. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan ( PPK ) Pengajaran Akidah : Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 13–30.
- Azhar Ahmad. (2006). Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2013a). Buku Panduan Mengajar Guru (BPMG) IHES Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor Tahun 6 (Pertama). Selangor: Bahagian Pendidikan Islam JAIS.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2013b). Buku Panduan Mengajar Guru (BPMG) Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor Tahun 4 (Pertama). Selangor: Bahagian Pendidikan Islam JAIS.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2018). Modul Latihan PKG JAIS: Kursus Pedagogi Pendidikan. Shah Alam.
- Bahagian Pendidikan Islam JAIS. (2019). Dasar dan Pelaksanaan Integrated Holistic Education System (IHES) Bahagian Pendidikan Islam JAIS.
- Chia Lai Lai, & Abdul Rahim Hamdan. (2013). Faktor Di Luar Kawalan Guru Sekolah Menengah dalam Pengajaran Efektif. In 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013) (pp. 64–68).
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. (2012). *Educational Research: Competencies For Analysis and Applications* (Edisi ke 1). Upper Saddle Ridge, NJ: Pearson Publishing.
- Hannah Aqilah Amran, Rosadah Abd Majid, & Manisah Mohd Ali. (2019). Cabaran Guru Pendidikan Khas Pada Abad Ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(26), 113–122.
- Kamarulnizam Sani, & Zetty Nurzuliana Rashed. (2018). Penilaian Terhadap Sistem Pendidikan Integrasi Dan Holistik Di Sekolah Rendah Agama Integrasi Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. *Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 1–6.
- Karwadi. (2009). Tujuan pendidikan islam dalam pemikiran hasan langgulung. *Journal PAI*, 4(2), 137–158.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (Pertama)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607–610.
- Loeb, S., Dynarski, S., Mcfarland, D., Morris, P., Reardon, S., & Reber, S. (2017). *Descriptive analysis in education: A guide for researchers* The National Center for Education Evaluation and Regional Assistance (NCEE) conducts unbiased large-scale evaluations of education programs and practices. Washington.
- Mariam Abd. Majid, Sahlawati Abu Bakar, Zetty Nurzuliana Rashed, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan, & Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. (2018). Kaedah pengajaran guru tilawah al-Quran:kajian kes di Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi negeri Selangor.
- Mohammad Amir Danuri. (2017). *Kertas Dasar Dan Hala Tuju Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor*. Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor.
- Mohd Azmi Mat Yusoff. (2016). *Penilaian Program Latihan Dalam Perkhidmatan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faez Illias, Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, & Muhammad Syakir Sulaiman. (2017). Penilaian Terhadap Perlaksanaan Sistem Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama JAIS. In 4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) (pp. 1–23). Selangor.
- Mohd Hamzah, M. I., Sirat, M., Mohd Izhah Mohd Hamzah, & Mazlan Sirat. (2018). Tahap Pelaksanaan Latihan dalam Perkhidmatan dan Hubungannya dengan Pengalaman Mengajar serta Keckerapan Menghadiri Latihan Guru Sekolah Rendah Berprestasi Tinggi di Putrajaya (The Level of Implementation of In-Service Training and Its Relationship with Te. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(01), 17–23. <https://doi.org/10.17576/jpen-2018-43.01-03>

- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Mengintergrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi ( KBAT ) Berdasarkan Model Dick and Carey di Negeri Perak. *International Academic Research Journal of Social Science*, 3(2), 1–9.
- Muhamad Asmadi bin Mustakim. (2017). Dasar dan Pelaksanaan IHES JAIS.
- Muhammad Nordin. (2017). Penilaian Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Lela Ahmad, Hariyaty Ab Wahid, Hazianti Abdul Halim, Zuriadah Ismail, & Normala Abd Rani. (2014). Amalan Pembangunan Profesional (LDP) Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Daerah Manjung. In *Asia Pacific Conference On Educational Management And Leadership* (pp. 1–16).
- Nor Aidah Mohamad Ariff, Rohana Hamzah, & Amirmudin Udin. (2010). Guru PTV Masa Hadapan: Kefahaman Falsafah Yang Lebih Baik. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*, 1–11.
- Nor Fatinah Jaafar, Azizah Zain, & Zarina Eshak. (2020). Peranan Ibu Bapa Dalam Membantu Perkembangan Sosial Kanak-Kanak Melalui Aktiviti Bermain Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(Special Issue), 52–60.
- Norashikin Abu Bakar, Ramli Basri, & Foo Say Fooi. (2015). Hubungan Kepimpinan Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1–11.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric Theory* (Edisi Pert, Vol. 1). New York: McGraw-Hill, Inc.
- Pallant, J. (2010). *SPSS Survival Manual : A Step By Step Guide to Data Analysis Using SPSS* (4th ed.). Sydney: Maidenhead : Open University Press/McGraw-Hill.
- Ramlan Mustapha. (2017). Rekabentuk model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Ravikumar K. Varatharaj. (2015). Amalan Pentaksiran Dalam PdP Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Di Sekolah Kluster. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 9, 1–17.
- Saedah Siraj, & Mohammed Sani Ibrahim. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. In *Seminar Majlis Dekan Pendidikan IPTA* (pp. 1–44).
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip, Zetty Nurzuliana Rashed, Rekkeman Kusut, Suziana Hanani Sulaiman, & Siti Nga'ishah Mohni. (2015). Tahap Kesesuaian Matlamat Dan Hasil Pembelajaran Kursus Praktikum (Latihan Mengajar) Kendalian Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Kuis : Satu Tinjauan Awal. *Tamu*, 1(1(1) Jun 2015), 118–128.
- Sitti Hasnah Bandu, Zalizan Mohd Jelas, Mohd Hanafi Mohd Yasin, & Mohd Mokhtar Tahar. (2012). Cabaran Penyediaan Rancangan Pendidikan Individu Di Sekolah Pendidikan Khas Integrasi. In *Seminar Internasional Pelajar Pasca Siswazah Pendidikan Khas* (pp. 1–15).
- Zetty Nurzuliana, & Abdul Halim. (2014). Kepentingan Integrasi Naqli dan Aqli Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *Katalog BPS*, XXXIII(2), 81–87. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>